

POLISI MYGIFT UMP

1.0 PENGENALAN MYGIFT

- 1.1 MyGift UMP diwujudkan pada tahun 2015 sebagai usaha mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai pihak untuk digunakan bagi tujuan; tajaan pelajaran dan peningkatan mutu pelajaran yang sedia ada di UMP, memperkasakan program-program Islamik dan menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan. Dengan adanya MyGift UMP ini ia dapat memberi impak yang positif demi masa depan UMP dalam memberi kemudahan prasarana kepada pelajar dan pembangunan masyarakat.
- 1.2 Portal MyGift UMP dibangunkan dan telah menjadi medium untuk orang ramai mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci mengenai Endowmen-endowmen yang terdapat di dalam MyGift dan sekaligus dapat menyumbang secara atas talian.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mengumpul dan menyatukan dana serta mengemblend sumber-sumber sumbangan, hadiah dan lain-lain pemberian yang berkaitan yang berpotensi sama ada dari dalam atau luar negara bagi manfaat UMP.
- 2.2 Membangun dan memajukan dana atau harta yang diperolehi melalui kerjasama pihak yang sesuai bagi pihak UMP.
- 2.3 Menjana dana dan pemberian melalui kaedah-kaedah kontemporari dan inovatif untuk meningkatkan sumber dana bagi manfaat UMP.
- 2.4 Membangunkan dan memajukan harta atau aset hasil sumbangan untuk tujuan yang difikirkan perlu melalui kaedah yang sesuai berdasarkan matlamat UMP.
- 2.5 Menyempurnakan amanah dan amanat penderma.

3.0 SENARAI TABUNG

JENIS TABUNG	PENGISIAN/AKTIVITI
Endowmen Biasiswa Pelajar	<p>Membantu para mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan untuk menamatkan pengajian di peringkat universiti. Di samping itu juga, dana ini turut dapat menyokong para pelajar yang cemerlang dalam pelajaran untuk menyambung pelajaran yang pada peringkat lebih tinggi di UMP serta memberi peluang kepada para pelajar untuk mengikuti program-program keilmuan di luar negara yang memerlukan kos yang tinggi.</p> <p>Antara tabung di bawah Endowmen Biasiswa Pelajar ialah;</p> <ul style="list-style-type: none">• Endowmen Tuanku Canselor• Endowmen Universiti• Tabung Yayasan UMP
Endowmen Kursi	<p>Dana atau derma dari pertubuhan atau yayasan sukarela untuk penubuhan Kursi Kecemerlangan di universiti bagi menjalankan aktiviti seperti wacana ilmiah, akademik, penyelidikan, penerbitan dan perkongsian ilmu serta pembinaan kapasiti.</p> <p>Endowmen ini boleh digunakan untuk membayar gaji Professor ternama dan menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang bagi menjalankan pendidikan dalam bidang berkaitan.</p>
Endowmen Kecemerlangan	<p>Pemberian Insentif atau hadiah kecemerlangan kepada mahasiswa yang mencapai keputusan yang cemerlang.</p> <p>Antara tabung di bawah Endowmen Kecemerlangan ialah;</p> <ul style="list-style-type: none">• Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen Sapura – FKM• Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen Produa• Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen Heitech padu• Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen – Harapan Kimia Industri• Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen Telekom Malaysia• Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen Ir. Kee Book Hee

	<ul style="list-style-type: none"> • Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen SriKandi Matahari • Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen Petronas (BASF) • Hadiah Kecemerlangan Konvokesyen Menteri Besar Pahang – Yayasan Pahang
Endowmen Tajaan Makmal / Kemudahan	<p>Endowmen ini diwujudkan bagi membiayai kos pembinaan dan peralatan saintifik seperti membangunkan makmal atau menaja makmal yang sedia ada. Tabung Endowmen ini juga bertujuan agar lebih ramai mahasiswa dapat menikmati kemudahan yang disediakan, selain menyediakan pelbagai prasarana untuk merencanakan aktiviti akademik di universiti seperti makmal termaju dan geran penyelidikan.</p> <p>Syarikat korporat dan pihak industri boleh memilih mana-mana makmal yang dikenalpasti untuk ditaja. Makmal yang ditaja akan dinamakan dengan nama individu atau syarikat korporat yang terlibat bagi menghargai peranan dan sumbangannya bergantung kepada jumlah peruntukan yang diberikan.</p>
Tabung Ramadhan	<p>Dijalankan sepanjang bulan Ramadan dan Syawal untuk mengumpul dana sumbangan daripada seluruh warga universiti meliputi staf, mahasiswa, alumni, individu dan syarikat korporat bagi meningkatkan Tabung Endowmen selaras dengan ajaran Islam yang mengalakkan umatnya melakukan amal jariah sempena bulan yang mulia.</p> <p>Antara aktiviti yang menjadi aktiviti tahunan UMP adalah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program Iftar Ramadhan; • Singgah Sahur; dan • Jejak Asnaf
Tabung Masjid	<p>Pelbagai sumbangan dalam bentuk wang ringgit ataupun peralatan bagi membantu aktiviti dan pembangunan Masjid UMP serta lain-lain masjid yang memerlukan. Penderma mempunyai pilihan untuk menyumbang ke dalam tabung Masjid UMP secara terus atau secara atas talian.</p>

Tabung Wakaf	Program wakaf ini ditujukan kepada individu atau syarikat korporat yang ingin menyumbang peralatan, kemudahan, kenderaan dan tunai bagi tujuan wakaf.
Tabung Bencana	Bertujuan untuk membantu mangsa-mangsa yang menghadapi bencana seperti banjir, kebakaran atau kemusnahan harta benda disebabkan malapetaka bagi meringankan beban mereka sama ada dalam bentuk wang ringgit mahu pun barangan.
Tabung Komuniti	Program pemindahan ilmu turut menjadi tumpuan UMP. Selain bidang pendidikan, penyelidikan, pengkomersialan dan keusahawanan, UMP turut memainkan peranan untuk memasyarakatkan universiti untuk merapatkan jurang di antara masyarakat dan komuniti universiti. Antara tabung dibawah tabung komuniti ialah Tabung Zakat
Tabung Sumbangan Tidak Patuh Syariah	Wang yang disumbangkan melalui terma tidak patuh syariah, akan digunakan untuk masalah-masalah umum seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya di Universiti Malaysia Pahang.

4.0 STRUKTUR GOVERNAN PENGURUSAN MYGIFT UMP



Struktur Governan Pengurusan MyGift

5.0 LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

5.1 Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah terdiri daripada :

Pengerusi	Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UMP
Ahli Jawatankuasa	i. Naib Canselor UMP ii. Pendaftar UMP iii. Wakil Komuniti
Setiausaha	Bendahari UMP

5.2 Fungsi

- 5.2.1 Membantu Jawatankuasa Pengurusan Amanah dalam merangka dasar dan strategi dalam mendapatkan dana.
- 5.2.2 Melapor perkembangan MyGift kepada Lembaga Pengarah Universiti.
- 5.2.3 Memastikan pengurusan MyGift berada pada tahap kecekapan yang sewajarnya.
- 5.2.4 Meluluskan perbelanjaan dana MyGift bagi mencapai objektif yang ditetapkan.
- 5.2.5 Memantau prestasi pengumpulan dana supaya mencapai objektif yang dihasratkan.
- 5.2.6 Membantu menghubungkan Jawatankuasa Pengurusan Amanah dengan mana-mana agensi/organisasi yang berkaitan untuk menyumbang ke Endowmen dan Tabung yang diwujudkan.
- 5.2.7 Meluluskan penyata kewangan MyGift dan melapor kepada LPU.

5.3 Lembaga Pemegang Amanah hendaklah bersidang sekurang-kurangnya 2 kali setahun atau apabila keperluan mendesak dari masa ke masa.

6.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN AMANAH MYGIFT

6.1 Struktur Jawatankuasa Pengurusan Amanah:

Pengerusi	Naib Canselor
Ahli Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none">i. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)ii. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)iii. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)iv. Penolong Naib Canselor, Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualitiv. Penolong Naib Canselor, Jabatan Jaringan Industri & Masyarakatvi. Pengarah, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Hartavii. Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insanviii. Bendahariix. Pengerusi Alumni, UMP
Urusetia	Sekretariat MyGift

6.2 Fungsi :

- 6.2.1 Melaksanakan strategi dan dasar yang telah dirangka bagi mencapai sasaran perolehan dana.
- 6.2.2 Merangka polisi, polisi dan peraturan berhubung tatacara pengurusan akaun endowmen dan tabung.
- 6.2.3 Memantau prestasi pengumpulan dana.
- 6.2.4 Memastikan segala sumbangan dan perbelanjaan diuruskan berdasarkan polisi dan peraturan yang telah ditetapkan.
- 6.2.5 Bertanggungjawab dalam penyediaan laporan dan penyata seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- 6.2.6 Membangunkan garis panduan dan prosedur bagi pengurusan dan pentadbiran MyGift.
- 6.2.7 Menentukan skop dan tanggungjawab urusetia MyGift
- 6.2.8 Lain-lain hal yang diarahkan oleh Lembaga Pengurusan MyGift.

7.0 SEKRETARIAT MYGIFT

7.1 Menjalankan kerja-kerja pentadbiran MyGift.

7.2 Menjalankan aktiviti dan publisiti MyGift.

7.3 Merekod semua dokumen yang berkaitan dengan perkembangan MyGift.

7.4 Lain-lain hal yang diarahkan oleh jawatankuasa Pengurusan Amanah MyGfit.